



Rujukan Kami : AADK 100-2/2/2 ( 63 )

Tarikh : 9 Februari 2015

**Ketua Pengarang,  
Sinar Harian,**

Tuan/Puan,

**MAKLUMBALAS ARTIKEL " HIDU GAM SEJAK 15 TAHUN" PADA 8 FEBRUARI  
2015 MELALUI AKHBAR SINAR HARIAN ONLINE.**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) ingin merujuk kepada artikel yang diterbitkan dalam ruangan Sinar online bertarikh 8 Februari 2015.

3. Sehubungan itu berikut adalah maklumbalas AADK bagi artikel berkenaan:

*Terlebih dahulu AADK menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih atas keprihatinan **Sinar Harian** dalam menerbitkan artikel berkenaan dadah dalam negara. Untuk makluman, AADK memandang serius isu tersebut dan AADK kini telah merancang pendekatan yang lebih holistik dalam program-program pencegahan, rawatan dan pemulihan mahupun penguatkuasaan. Merujuk kepada artikel berkenaan, AADK Pulau Pinang telah mengambil inisiatif untuk menjejaki lelaki tersebut bagi menawarkan perkhidmatan rawatan dan pemulihan dadah secara percuma dan sukarela di Klinik Cure & Care 1Malaysia Bukit Metajam.*

*Ahli keluarga beliau yang dihubungi juga bersetuju dengan tindakan yang diambil oleh pihak AADK bagi membantu beliau menangani masalah ketagihan gam. Beliau telah didaftarkan sebagai out patient bagi membolehkannya mengikuti program-program psikososial yang disediakan. AADK turut ingin memaklumkan bahawa sekiranya terdapat aduan yang sama di kawasan pembaca Sinar Harian, salurkan*

MEMBASMI DADAH ADALAH TANGGUNGJAWAB KITA BERSAMA  
MARILAH BERTINDAK SEGERA

*ERADICATING DRUG ABUSE IS OUR COLLECTIVE RESPONSIBILITY  
LETS ACT NOW*



Certified to MS ISO 9001:2008  
Cert. No.: KLR 6008765

*aduan tersebut melalui emel kepada pro@adk.gov.my atau hantarkan pesanan ringkas dengan menaip AADK <jarak> Menu dan hantarkan kepada 15888.*

4. Kerjasama dan perhatian daripada tuan/puan untuk menyiarkan maklumbalas tersebut dalam akhbar amatlah dihargai dan didahului terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"KHIDMAT TANPA RASUAH"**

Saya yang menurut perintah,

**( SALEHUDDIN BIN KLEWAN )**  
**Pegawai Perhubungan Awam**  
**Agensi Antidadah Kebangsaan**  
**b.p. Ketua Pengarah,**  
**Agensi Antidadah Kebangsaan,**  
**Kementerian Dalam Negeri**

Sk: - Ketua Pengarah  
Agensi Antidadah Kebangsaan  
- Pengarah Pengesanan dan Pengawasan AADK  
- Pengarah Rawatan,Perubatan dan Pemulihan AADK  
- Pengarah Pencegahan AADK  
- Pengarah AADK Pulau Pinang